

HUA Yang Bhd, pemaju hartanah yang disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Saham Malaysia akan melancarkan projek pembangunan bernilai RM1 bilion sepanjang tahun ini.

Satu daripada projek yang akan dilancarkan ialah Senawang Link, Seremban, iaitu projek pembangunan komersial dan perindustrian bersepadu dengan nilai pembangunan kasar (GDV) RM45 juta.

Senawang Link merangkumi kedai pejabat dua tingkat dan kilang teres berkembar satu setengah tingkat dan lot perindustrian yang terletak di kawasan seluas 11.3 hektar.

Ketua Pegawai Operasi Hua Yang, Ho Wen Yan, berkata projek itu dibangunkan sebagai kawasan khas perindustrian, khususnya untuk pemilik kilang yang bermingat mengendalikan kilang di tempat strategik dengan harga yang ditawarkan daripada RM251,000 ke atas.

Disasarkan kepada pemilik perniagaan dan pelabur dari kawasan persekitaran Seremban dan Lembah Klang, Senawang Link menawarkan perniagaan pelbagai unit komersial dan perindustrian bersepadu.

Antaranya, 24 unit kedai pejabat dua tingkat yang

Senawang Link tawar unit komersial, perindustrian



SENAWANG Link tawar kedai pejabat dan kilang teres berkembar.

berkeluasan 156 meter persegi, 22 unit kilang teres satu setengah tingkat berkeluasan 241 meter persegi, 32 unit kilang satu setengah tingkat dan enam lot perindustrian.

Setiap unit kilang ditawar-

kan dengan saiz merangkumi 809 meter persegi, 1,005 meter persegi dan 1,151 meter persegi.

Ho berkata, pengendali perindustrian gudang, kilang perabot dan bengkel kereta akan mendapati Senawang Link satu pelaburan amatsesuai, memandangkan ia dibangunkan sebagai pusat komersial terbaru di Seremban dengan laluan utamanya menghadap ke Jalan Tampin.

Terletak di lokasi strategik di laluan utama Jalan Tampin, Senawang Link

FAKTA NOMBOR

**RM45
juta**

nilai pembangunan kasar (GDV) projek pembangunan komersial dan perindustrian bersepadu dilancarkan ialah Senawang Link

juga terletak hanya bersebelahan Stesen Keretapi Tanah Melayu (KTM) Sungai Gadut yang bakal dibina dan dijangka siap menjelang Disember 2010.

“Memandangkan aktiviti perniagaan yang dijangka masuk dengan banyak, kami juga akan menyediakan perkhidmatan kawalan 24 jam secara percuma selama dua tahun bagi meningkatkan keselamatan di kawasan itu,” katanya sambil menambah projek Senawang Link akan memulakan pembinaannya bulan ini.